

Nama : Kelas :



قَسْرِيْدُكَ عَنْ قَعْوَادِ اِنْجَالِيْسِيْنَ قَعْتَمَا
مَعْمَلَاكَ اِحْبَابُ سَكُوْلَتِيْمَعْمَلَاوَا لِمَرْعَبِ اَبْنَوَانِ
يَا اِيَّاسَن اِسْلَامُ كَلْتَن



1103/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
September 2024
2 jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2024 M / 1446 H**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK B MELAYU K1

©2024 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

[LIHAT HALAMAN SEBELAH

Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan masalah buli.**Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **masalah buli di sekolah.****Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.***

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendedahkan jumlah kes buli di sekolah terus melonjak. Sebanyak 4,994 kes direkodkan dari Januari hingga Oktober tahun 2023. Angka itu menunjukkan peningkatan kes salah laku buli di sekolah berbanding dua tahun sebelumnya, iaitu pada 2021 sebanyak 3,561 kes dan 2022 sebanyak 3,887 kes.

Sumber : Sistem Sahsia Diri Murid (SSDM)

**PROGRAM
KESEDARAN
HENTIKAN BULI
PERINGKAT
SEKOLAH**

Saya murid yang sejahtera



JANGAN TAKUT MELAPORKAN

Kes buli di sekolah semakin meningkat



Ye, didikan agama dan moral pupuk sifat prihatin.

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. Aktiviti kejiranan seperti bergotong-royong untuk menyambut sesuatu keraian sudah semakin kurang dilihat pada masa ini. Sebenarnya, terdapat pelbagai manfaat sekiranya kita menjalinkan hubungan yang baik dengan jiran tetangga, termasuklah mewujudkan sebuah kehidupan yang harmoni, memupuk nilai kerjasama dan menjamin keselamatan masyarakat setempat.

Dipetik dan diubah suai: Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan manfaat-manfaat tersebut.

2. TANJONG MALIM – Sambutan Hari Kemerdekaan kurang dititikberatkan oleh kebanyakan sekolah. Memetik ucapan Guru Besar Sekolah Seri Budiman, Dr. Kama Shaffeei berkata, “program ini sebenarnya penting untuk memperkukuh semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda. Selain itu, sambutan ini juga sebagai tanda menghargai jasa tokoh terdahulu dan dapat mengukuhkan perpaduan sejajar dengan tema Hari Kebangsaan Ke-67, Malaysia Madani: Jiwa Merdeka”.

Sumber : Dipetik dan diubah suai
daripada E-Pena, 19 Ogos 2024

Berdasarkan petikan berita di atas, bincangkan kepentingan-kepentingan aktiviti tersebut.

3. Gejala sosial dalam kalangan remaja begitu membimbangkan dan semakin bertambah pada setiap tahun. Antaranya termasuklah penyalahgunaan dadah, ponteng sekolah dan vandalisme. Justeru, pelbagai cara perlu diambil untuk menangani isu ini dengan segera demi kesejahteraan generasi masa depan.

Dipetik dan diubah suai : Internet

Sebagai respons kepada petikan di atas, huraikan cara-cara untuk mengatasi gejala tersebut.

4. KUALA LUMPUR - Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr. Rahimah Ibrahim berkata bahawa ramai anak pada masa ini dengan sewenang-wenangnya melepaskan tanggungjawab terhadap ibu bapa. Ada dalam kalangan mereka dengan sengaja mengabaikan ibu bapa bersendirian di rumah atau ditinggalkan di rumah orang-orang tua. Hal ini berkemungkinan berlaku disebabkan oleh kekurangan didikan agama dan moral dalam diri.

Sumber : Dipetik dan diubah suai
daripada Berita Harian, 3 Februari 2019

Huraikan faktor yang terdapat dalam petikan akhbar di atas dan faktor-faktor lain yang menyebabkan berlakunya masalah tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT